

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 02.02.2023 MASA:12.40

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MBSP CAR FREE MORNING TAHUN 2023

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

05 FEBRUARI 2023 (AHAD)

9.00 PAGI

**PINTU UTAMA SUNWAY CARNIVAL
(BERDEKATAN SWITCH APPLE STORE)
SEBERANG JAYA**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya jua kita dapat bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam Majlis Sambutan *Chinese New Year Run* dan *Car Free Morning* Tahun 2023 di Seberang Jaya.

Tidak terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baharu Cina, *Gong Xi Fa Cai, Xin Nian Kuai Le* kepada seluruh masyarakat Tiong Hua di Seberang Perai yang meraikan perayaan Tahun Baharu Cina pada 22 Januari 2023 yang lalu. Seperti kebiasaan, pada malam Tahun Baharu Cina kali ini, masyarakat Tiong Hua berkumpul dengan kaum keluarga serta orang tersayang untuk melepaskan Tahun Harimau dan menyambut kedatangan Tahun Baru Arnab.

Adalah menjadi amalan bagi kita untuk meraikan sambutan perayaan pelbagai kaum secara bersama dalam suasana harmoni. Keharmonian masyarakat inilah yang menjadi kunci kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara kita yang tercinta ini.

Bersempena Tahun Baru ini, marilah kita seluruh rakyat Seberang Perai yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama bekerja bersama-sama bagi menghadapi apa-apa cabaran yang mendatang dengan mengambil semangat ketelitian dan ketangkasan Sang Arnab dalam usaha membina Seberang Perai yang lebih cemerlang dan bermanfaat kepada semua.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Bersempena dengan Sambutan Tahun Baharu Cina 2023 ini, MBSP menganjurkan Program MBSP *Chinese New Year Run* yang merupakan satu program larian santai dan juga Program *Car Free Morning* (CFM) yang sangat meriah dan menarik.

Program MBSP *Chinese New Year Run* 2023 ini yang dilepaskan (*flag-off*) pada awal pagi tadi adalah bertujuan antara lain menarik pengunjung ke Program MBSP *Car Free Morning* yang diadakan di sini, Bandar Sunway, Seberang Jaya. Selain itu, program sukan santai seperti ini dapat mendekatkan orang ramai dengan MBSP dan menjalin hubungan baik MBSP dengan masyarakat setempat. Seramai 1,700 orang telah

mendaftar untuk menyertai larian ini. Terima kasih di atas penyertaan dan Warga Seberang Perai adalah warga yang aktif, ceria serta mempunyai sikap yang sangat sporting.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Program MBSP *Car Free Morning* telah diperkenalkan sejak Mei 2015, pada setiap hari Ahad minggu pertama di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Bandar Sunway Seberang Jaya. Pada 2019 pelaksanaan program ini ditangguhkan akibat penularan wabak Covid-19. Dan MBSP pada hari ini mengadakan semula *Car Free Morning* bermula Februari ini.

Car Free atau Bebas Kereta adalah merupakan satu kempen ke arah pengurangan jumlah kenderaan yang ketara dan sekaligus mengurangkan kesesakan jalanraya yang kerap berlaku di kawasan-kawasan seperti di kawasan Sunway. Lebih baik kita berkongsi kereta, berbasikal, berjalan kaki atau menggunakan sepenuhnya perkhidmatan awam yang ada bagi mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan Sunway ini.

Program MPSP *Car Free Morning* ini memberi peluang kepada warga Seberang Perai untuk menyertai aktiviti riadah seperti senamrobik. Kempen ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan penduduk dan juga menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat.

Acara-acara sukan seperti senamrobik dan larian santai merupakan antara medium yang boleh menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa. Kita semua sebenarnya mempunyai peranan dalam membudayakan sukan dalam kehidupan kita. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik.

Selain acara sukan, pelbagai aktiviti lain juga terdapat di sini seperti pameran pendidikan mesra alam, gerai-gerai jualan dan permainan tradisional yang dapat disertai oleh orang ramai.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya mengharapkan dengan adanya program seumpama ini, orang ramai akan turut serta bagi menghidupkan Seberang Perai menjadi *liveable city* dan masyarakat akan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat untuk generasi akan datang. Saya ingin menyeru para hadirin sekalian untuk merebut peluang ini untuk beriadah bersama keluarga di sini pada setiap bulan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya mengucapkan tahniah kepada para hadirin sekalian kerana telah hadir memberi sokongan kepada program yang diadakan pada hari ini. Program sebegini penting untuk mewujudkan kesedaran tentang hal kesihatan dan kesukanan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow dan kepada semua tetamu yang sudi hadir untuk memeriahkan program ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.